

AL-FARABI DAN USAHANYA  
MENGEMBANGKAN FALSAFAH

IDRIS ZAKARIA

Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENGENALAN

Al-Farabi bukanlah nama beliau yang sebenarnya. Namā sepe-  
nuhnya ialah Abu Nasr Muhammad bin Muhammad bin Tarchan.<sup>1</sup>  
Sementara Ibn Abi Usaybiah pula menyebut bahawa beliau ialah  
Abu Nasr Muhammad bin Awzalagh bin Tarchan.<sup>2</sup> Ibn Khallikan  
memaklumkan sebagai Abu Nasr Muhammad bin Muhammad bin  
Tarchan bin Awzalagh al-Farabi.<sup>3</sup> Adapun awalan “Abu Nasr” itu  
menurut Dr. Ali ‘Abd. al-Wahid Wafi, hal ini tidak begitu jelas.<sup>4</sup>  
Sementara sebutan “al-Farabi” itu pula adalah nisbah kepada  
nama tempat atau daerah kelahiran beliau iaitu ‘Farab’, di wilayah  
Transociana di Turki.<sup>5</sup> Beliau berasal dari keturunan keluarga  
berdarah campuran Turki-Parsi. Bapanya berbangsa Parsi telah  
berkahwin dengan seorang wanita berbangsa Turki dan menjawat  
jawatan General Tentera.<sup>6</sup> Dan perkataan-perkataan *Tarchan* dan  
*Awzalagh* itu sebenarnya adalah di antara nama-nama<sup>7</sup> Turki.

Mengenai masa kelahirannya, tarikh yang tepat tidaklah dapat  
dikesani. Haroen Khan Sherwani mencatatkan bahawa al-Farabi  
lahir sekitar tahun 257 – 339H, bersamaan 870 – 950M, iaitu se-  
masa pemerintahan khalifah al-Mu’tamid ‘ala’llah (946 – 974M),  
dan berakhir hayatnya ketika pemerintahan Abu al-Qasim al-Muti’  
lillah (*al-Muti*) iaitu pada tahun 861 – 945M.<sup>8</sup> Hal ini jika dilihat  
dari segi sejarah, ternyata bahawa tokoh ini telah ditakdirkan  
Tuhan lahir ke dunia ini pada peride pemerintahan Bani ‘Abbasiah  
kedua iaitu yang dikatakan bermula dari tahun 232 – 590H.<sup>9</sup>  
Beliau telah meninggal dunia dalam usia tua, menjangkau angka  
lapan puluh tahun. Jenazahnya telah disembahyangkan oleh Sayf  
al-Dawlah al-Hamadan bersama para sahabatnya dan dimakamkan  
di Kota Damsyik.<sup>10</sup>

Berkaitan dengan pendidikan, tokoh ini didapati mendapat di-  
dikan dasar yang kuat pada peringkat awalnya iaitu pendidikan ke-  
agamaan serta bahasa. Ibrahim Makdur dalam satu tulisannya me-  
nerangkan bahawa semasa berada di tempatnya itu, al-Farabi telah  
mempelajari ilmu Fiqh, Hadith, Tafsir al-Qur’an dan juga bahasa.<sup>11</sup>

Inilah ilmu-ilmu asas yang telah tersemai di jiwa dan akal-fikiran al-Farabi. Penulis di sini berkeyakinan bahawa sedikit sebanyaknya ilmu-ilmu ini telah memberi semacam kesan sama ada kepada corak dan aliran berfikir ataupun peribadinya. Adapun pekerjaannya sewaktu di Farab itu, dikatakan ia adalah seorang Qādi. Demikian menurut Ibn Usaybi'ah.<sup>12</sup> Sejarah tidak pula menerangkan tentang siapakah guru-guru al-Farabi yang bertanggungjawab mendidik beliau pada peringkat ini.

Al-Farabi memiliki sifat-sifat peribadi yang tinggi dan terkenal sebagai seorang yang serius dalam soal-soal ilmu pengetahuan. Selain dari itu al-Farabi juga mengikut Ibn Khallikan adalah sebagai orang yang paling "zuhud" sekali di dalam dunia.<sup>13</sup> Dengan corak hidup ini beliau berpeluang menggunakan sepenuh waktu untuk berfikir.<sup>14</sup> Salah satu dari minatnya ialah mengikuti aliran-aliran fikiran dari berbagai-bagai ahli fikir, dengan tujuan untuk meninjau akan isu percakapan serta jalan fikiran tokoh-tokoh itu. Ibrahim Madkur memaklumkan bahawa dari minat ini al-Farabi yakin dapat melahirkan suatu bentuk kesepaduan fikiran yang akan menolongnya untuk mencapai puncak kebenaran.<sup>15</sup>

Dalam usahanya mengejar ilmu pengetahuan khususnya falsafah, al-Farabi tidak mengira akan pahit getir dan segala kepayahan yang wujud. Sewaktu bermastautin dengan Khalifah Sayf al-Dawlah al-Hamadan di Halab (Aleppo sekarang ini di Syria), kerja-kerja harian yang al-Farabi lakukan ialah membaca dan juga menulis sama ada pada waktu siang ataupun malam. Menurut Ibn Abi Usaybi'ah, jika al-Farabi membaca di waktu malam (di samping menulis) maka ia menggunakan lampu minyak kepunyaan Pengawal Keselamatan Istana Sayf al-Dawlah.<sup>16</sup>

Menyentuh masalah penguasaan bahasa sebagai alat perhubungan dan perkembangan ilmu pengetahuan, Khalifah Sayf al-Dawlah (atau nama penuhnya Abu Hassan 'Ali al-Hayja' Abdullah bin Hamdani al-Ta'libi) sendiri pernah terkejut dengan kebolehan al-Farabi itu. Pernah berlaku suatu peristiwa di suatu majlis di istana Sayf al-Khalifah al-Dawlah sendiri, di mana al-Farabi telah "dicuba" oleh Khalifah Sayf al-Dawlah dengan harapan al-Farabi akan dikenakan hukuman jika ia gagal, lalu Khalifah Sayf al-Dawlah dalam rancangan percubaan itu, telah bertutur kepada para pembesar dan pegawai-pegawainya dengan menggunakan suatu loghat rahsia yang pada keyakinannya, hanya mereka sahaja yang dapat memahaminya. Cubaan itu ternyata gagal apabila dengan tiba-tiba al-Farabi menyampuk dengan menggunakan loghat itu juga. Dan apabila ditanya tentang kebolehan bahasa itu, al-Farabi menjawab: "saya boleh memahami/bertutur lebih dari tujuh puluh dialeg (Sabina Lisānan)."<sup>17</sup> Penulis tidak berminat untuk mengulas per-

soalan jumlah dialeg ini, sama ada ianya benar atau semata-mata tasybīh sahaja.

Suatu perkara lagi yang tidak dapat dielakkan apabila berbicara mengenai al-Farabi dalam kontek perkembangan falsafah ialah berkenaan dengan gelaran *The Second Teacher* atau Guru Kedua (*al-Muallim al-Thani*). Apakah yang dimaksudkan sebagai 'Guru Kedua' ini?

Tentunya tidak dapat dinafikan bahawa gelaran ini adalah satu bukti kejayaan pada diri peribadi al-Farabi sendiri hasil komitmennya yang serius dalam ilmu falsafah. Gelaran ini juga mengingatkan kita tentang keterikatan al-Farabi dengan kegiatan dan pemikiran falsafah Greek. Hal ini biasanya dihubungkan dengan ilmu logik Aristotle:

"Among the writings of al-Farabi, his commentaries on Aristotle are of particular important. They earned him the epithet of 'the Second Teacher' i.e. the successor of Aristotle, the first teacher."<sup>18</sup>

Pandangan ini juga ada disebutkan di dalam lain-lain sumber seperti Wrinkler Encyclopedia,<sup>19</sup> Encyclopedia of Religion and Ethics<sup>20</sup> dan The Encyclopedia of Philosophy.<sup>21</sup> Oemar Amin Hoesin pula menyebut:

Ahli-ahli filsafat Islam memberikan gelaran Guru-Kedua kepada al-Farabi adalah kerana jasanya dalam lapangan logik, kerana ilmu logiknya itu ia dianggap failasuf tulen "par excellent, murni."<sup>22</sup>

Mengenai kearifannya terhadap selok-belok pemikiran Aristotle ini pernah pada suatu masa ada orang bertanyakannya; Siapakah dia ahli falsafah yang agung itu? Dia lantas menjawab: *Jika saya dapat menangkap (memahami) fikiran (ideanya) dan dapat memahami pengajarannya, maka sayalah pengikutnya yang besar (utama).*<sup>23</sup>

Hal ini juga sering dihubungkan dengan realiti kewujudan dan ketokohan beliau selaku tokoh kedua selepas al-Kindi serta juga kepintarannya dalam ilmu seni muzik selepas Phythagoras (497 sm.). Penulis tidak akan membahaskan soal ini di dalam esei ringkas ini.

#### MINAT KEPADA FALSAFAH DAN AKTIVITINYA

Di atas telah dijelaskan bahawa menurut Ibrahim Madkur, al-Farabi sewaktu di Farab telah mempelajari ilmu-ilmu Fiqh, Hadith, Tafsir al-Qur'an dan juga bahasa, sementara Ibn Abi Usaybi'ah pula meriwayatkan bahawa al-Farabi telah bekerja sebagai seorang kadi (Qādi)<sup>24</sup> tetapi jawatan itu disandangnya untuk sementara

waktu sahaja. Beliau berhenti di pertengahan jalan setelah minat terhadap ilmu falsafah telah mempengaruhi jiwanya.

Adapun soal asal mula beliau berminat dan terus serius dalam ilmu falsafah itu menurut Ibn Abi Usaybi'ah ialah: "Pada suatu hari seorang insan telah memberikannya sejumlah buku-buku Aristotle. Beliau setuju untuk melihatnya. Setelah melihat al-Farabi setuju pula untuk membacanya hingga ia dapat memahami dengan baik dan seterusnya menjadikan al-Farabi seorang tokoh falsafah."<sup>25</sup> Dari waktu itu al-Farabi terus menumpukan minat dan perhatiannya kepada ilmu falsafah.

Bertolak dari minatnya itu, al-Farabi telah mengubah corak hidupnya dengan cara berhijrah keluar dari daerahnya Farab menuju ke pusat-pusat pengajian yang penting di negara-negara Islam pada waktu itu. al-Farabi telah pergi ke Baghdad, Harran, Damsyik, Mesir dan akhirnya menetap di Halab (Aleppo) di bawah naungan Gabenor Halab pada waktu itu iaitu Sayf al-Dawlah al-Hamadani. Dr. Hassan Ibrahim Hassan setelah melihat akan realiti ini telah menyifatkan al-Farabi sebagai "Sarjana Pengembara,"<sup>26</sup> yakni seorang sarjana yang menghabiskan usianya mengembara ke sana-sini menuntut ilmu sekaligus mengembangkan falsafahnya.

Dalam pengembaraan itu, beliau telah berguru kepada beberapa orang tokoh falsafah yang terkemuka pada masa itu. Di Baghdad, al-Farabi berguru pada seorang Sarjana Kristian yang terkenal Abu Bishr Matta bin Yunus (M. 939M.). Abu Bishr sebenarnya adalah seorang guru ilmu mantik di Baghdad, ia juga adalah seorang penterjemah buku-buku falsafah Aristotle dan lain-lain tulisan Yunani ke bahasa Arab.<sup>27</sup> Kemudian di Harran, beliau berguru pula pada Yuhanna bin Haylan. al-Farabi sekali lagi menumpukan perhatiannya kepada mantik.<sup>28</sup> Setelah kembali semula ke Baghdad, al-Farabi telah bergiat lebih cergas mendalami ilmu falsafahnya misalnya beliau membaca *De Anima* dan *Physics* karya Aristotle yang terkenal itu, di mana menurut catatan Ibn Khallikan:

"Saya telah membaca kitab ini *De Anima (Kitab al-Nafs)* sebanyak seratus kali dan saya membaca *Physics (al-Sima u al-Tabii)* sebanyak empat puluh kali."<sup>29</sup>

De Boer pula menyebut bahawa di sinilah al-Farabi membuat terjemahan dan komentar atau koreksi terhadap karya-karya asing yakni Greek atau Yunani terutama sekali mantik hingga ia digelar *al-Muallim al-Thani* nisbah kepada Aristotle sebagai Guru Pertama,<sup>30</sup> seperti yang telah disentuh di atas.

Al-Farabi membuat komentar terhadap buku falsafah Greek seperti: *the Republic dan Laws, Nicomachean Ethics, De Anima, Physics, Meteorology, The Heaven, The Universe, the Almagest,*

*Elements, Isagoge, Categories, The Hermeneia, Sophistic, Rhetoric, Poetics* dan sebagainya yang dikarang oleh Plato, Aristotle, Euclid<sup>31</sup> dan lain-lain tokoh lagi. Ringkasnya, al-Farabi memang banyak membaca, mengkaji dan mengomentari pemikiran-pemikiran Greek.

Terdapat satu bukti ilmiah yang menunjukkan kealiman dan ketokohan al-Farabi dalam selok-belok pemikiran Greek. Hasil dari bacaan dan penyelidikan yang mendalam, beliau telah berjaya menyiapkan sebuah komentar falsafah yang terkenal iaitu *Kitāb al-Jam' Bayn Ra'yai al-Hakimayn aflatun al-ilahi wa Aristotalis* khusus dalam hal membanding dan kompromikan aliran pemikiran dua orang tokoh Greek yang terkemuka iaitu Plato dan Aristotle. Tentunya bukan sebarang orang yang mampu sampai ke peringkat itu nisbah kepada 'nature' ilmu falsafah itu sendiri. Jesteru itu tidak hairanlah Imam Abu Hamid al-Ghazali r.a. dalam bukunya *al-Munqidz min al-Dalal* menyebutkan bahawa hanya al-Farabi dan Ibnu Sina sahaja, dari begitu ramai tokoh Islam, yang mahir dalam aliran pemikiran falsafah Greek. Manakala usaha-usaha orang lain didapati dangkal, bercampur-campur, tidak tahu hujung pangkal hingga tidak dapat difahami.<sup>32</sup>

Tetapi, sayangnya kebanyakan hasil tulisan dan komentar yang beliau kerjakan itu telah hilang:

"He seems to have commented on many of Aristotle's work's, but most of these commentaries are now lost."<sup>33</sup> "Farabi's literary production was considerable, but a great number of his works lost very early."<sup>34</sup>

Pada keseluruhannya pokok pembicaraan falsafah al-Farabi meliputi lima subjek ini (a) logik (b) Psikologi (c) Metafizik (d) Teologi (e) kosmologi (f) Etik.<sup>35</sup> Etik ini termasuk juga Politik. Dan tiap-tiap satu subjek itu telah diulas dan disyarahkan dengan panjang lebar oleh al-Farabi di dalam komentar atau karya-karyanya sendiri.<sup>36</sup>

#### PENULISAN AL-FARABI

Dalam konteks pengembangan ilmu falsafah, sudah tentu kita ingin tahu tentang berapa banyakkah hasil pengkaryaan atau penulisan al-Farabi. Sebenarnya al-Farabi boleh disifatkan sebagai seorang tokoh yang gigih dan sangat *prolific* menghasilkan buku-buku ilmiah dalam aneka bidang sama ada berupa komentar terhadap karya-karya Yunani ataupun merupakan buku-bukunya tersendiri yang dihasilkan dari kefahaman dan pengamatan beliau sendiri.

Kebanyakan buku karangannya itu dimulai proses penulisan-sewaktu beliau berada di Harran lagi iaitu semasa pengembara-

an ke sana dalam usia empat puluhan. Aktiviti ini terus dikerjakan ketika beliau bermastautin di Baghdad dan Damsyik hingga ke usia lapan puluh tahun.<sup>37</sup> Ertinya di sini jika dilihat dari segi jarak masa menunjukkan bahawa al-Farabi aktif mengarang dan membuat komentar-komentar ilmiah lebih kurang empat puluh tahun.<sup>38</sup> Keseriusannya ini telah meninggalkan sejumlah besar hasil karyanya yang sebahagiannya dapat kita tatap pada hari ini, walaupun sebahagian yang lain telah hilang seperti yang disebutkan di atas.

Adalah sulit untuk disenaraikan secara tepat dan tersusun satu persatu akan hasil penulisan al-Farabi itu. Ini adalah disebabkan seperti yang disebutkan di atas iaitu naskhah-naskhah berkenaan telah hilang, dan keduanya rekod-rekod sejarah juga masih lagi menghadapi kekaburan tentang hal ini.<sup>39</sup> De Boer menerangkan bahawa secara kronologinya hasil karya itu sukar untuk ditentukan.<sup>40</sup> Tetapi ini bukanlah bermakna tidak ada langsung usaha-usaha penyelidikannya. Dr. Abd. al-Halim Mahmud dalam suatu tulisannya mengatakan yang hasil-hasil karya itu berjumlah seratus lapan belas buah semuanya.<sup>41</sup> Sementara M.M. Sharif pula memberitahu jumlahnya adalah sebanyak seratus buah:

"al-Farabi menulis lebih dari 100 buah buku dan separuh dari jumlah itu adalah merupakan kecaman dan kritik, penjelasan dan komentar-komentar terhadap perbahasan-perbahasan yang telah terbit terdahulu darinya terutama sekali perbahasan-perbahasan Aristotle dan yang lainnya adalah merupakan perbincangan-perbincangan baharu."<sup>42</sup>

Merujuk kepada jumlah yang sebanyak itu penulis dapati tidak banyak perbezaan jika dibandingkan dengan susunan Ibn Abi Usaybi'ah.<sup>43</sup> Menurutnya, hasil karya al-Farabi itu berjumlah seratus lima belas semuanya. Buku atau kitab-kitab itu adalah seperti berikut:

شرح كتاب المجسطى لبطليموس . شرح كتاب البرهان لارسطوليس ، شرح  
 كتاب الخطابة لارسطوطاليس ، شرح المقالة الثانية والثامنة من كتاب الجدل  
 لارسطوليس . شرح كتاب المغالطة لارسطوليس . شرح كتاب القياس لارسطوليس  
 وهو الشرح الكبير . شرح كتاب بارمينياس لارسطوليس على جهة التعليق . شرح  
 كتاب المقولات لارسطوليس على جهة التعليق . كتاب المختصر الكبير في المنطق  
 كتاب المختصر الصغير في المنطق على طريقة المتكلمين . كتاب المختصر الاوسط في  
 القياس . كتاب التوطئة في المنطق . شرح كتاب ايساغوجي لفر فوروس . اسلا  
 في معاني ايساغوجي . كتاب القياس الصغير ، ووجد كتابه هذا مترجما بخطه .  
 احصاء القضايا والقياسات التي تستعمل على العموم في جميع الضائع القياسية .

كتاب شروط القياس . كتاب البرهان . كتاب الجدل . كتاب المواضع المنتزعة من  
المقالة الثامنة في الجدل . كتاب المواضع المغلطة . كتاب اكتساب المقدمات وهي  
السماة بالمواضع وهي التحليل . كلام في المقدمات المختلطة من وجودى وضرورى .  
كلام في الخلاص صدر لكتاب الخطابة . شرح كتاب السماع الطبيعى لارسطوطاليس  
على جهة التعليق . شرح كتاب السما\* والعالم لارسطوطاليس على جهة التعليق .  
شرح كتاب الآثار العلوية لارسطوطاليس على جهة التعليق . شرح مقالة الاسكندر  
الافروديسي في النفس جهة التعليق . شرح صدر كتاب الاخلاق لارسطوطاليس .  
كتاب في النواميس . كتاب احصاء العلوم وترتيبها . كتاب الفلسفتين لفلاطون  
وارسطوطاليس مخروم الآخر . كتاب المدينة الفاضلة والمدينة الجاهلة والمدينة  
الفاسقة والمدينة البدلة والمدينة الضالة ، (ابتدأ بتأليف هذا الكتاب ببغداد ،  
وحمله الى الشام في آخر سنة ثلاثمائة وتعمه بدشق في سنة احدى وثلاثين  
وثلاثمائة ، وحرره ثم نظر في النسخة بعد التحرير فأثبت فيها الأبواب . ثم سأله  
بعض الناس أن يجعل له فصلاً تدل على قسمة معانية فعمل الفصول بمصر في سنة  
سبع وثلاثين ، وهي ستة فصول) . كتاب مبادئ آراء\* المدينة الفاضلة . كتاب الالفاظ  
والحروف . كتاب الموسيقى الكبير ، ألفه للوزير أبى جعفر محمد بن القاسم الكرخي)  
كتاب في احصاء الإيقاع . كلام له في النقلة مضافا الى الإيقاع . كلام في الموسيقى  
نختصر فصول فلسفية منتزعة من كتب الفلاسفة . كتاب المبادئ\* الإنسانية . كتاب  
الرد على الرازي في العلم الإلهي . كتاب الرد على جالينوس فيما تأوله من كلام  
ارسطوطاليس على غير معناه . كتاب الرد على ابن الراوندى في أدب الجدل .  
كتاب الرد على يحيى النحوى فيما رد به ارسطوطاليس . كتاب الرد على الرازي  
في عالم الالهى . كتاب الواحد والوحدة . كلام له في الحيز والمقدار . كتاب  
في العقل صغير . كتاب في العقل كبير . كلام له في معنى اسم الفلسفة . كتاب  
الموجودات المتغيرة الموجود بالكلام الطبيعى . كتاب شرائط البرهان . كلام  
له شرح المستعلق من مصادرة الاولى والخاسمة من اقليدس . كلام في اتفاسق  
آراء\* أبقرات وأفلاطن . رسالة في التنبيه على أسباب السعادة . كلام في الجزء  
وما لا يتجزأ .

كلام في اسم الفلسفة وسبب ظهورها وأسماء\* المعرزين فيها وعلى من قرأ  
منهم . كلام في الجن . كلام في الجوهر . كتاب في الفحص المدنى . كتاب  
السياسات المدنية ويعرف بمبادئ\* الموجودات . كلام في الملة والفقه مدنى ،  
كلام جمعه من أقاويل النبي صلى الله عليه وسلم يشير فيه الى صناعة المنطق . كتاب

في الخطابة كبير ، عشرون مجلدا . رسالة في قواد الجيوس . كلام في المعاييس والحروب . كتاب في التأثيرات العلوية . مقالة في الجهة التي يصح عليها القول بأحكام النجوم . كتاب في الفصول المنتزعة للاجتماعات . كتاب في الحيل والنواميس كلام له في الروايات . كتاب في صناعة الكتابة . شرح كتاب البرهان لارسطوطاليس على طريق التعليق ، (املاه على ابراهيم بن عدى تلميذ له بطب كلام له في العلم الإلهي . شرح المواضع المستخلقة من كتاب قاطيفوريان لارسطوطاليس ويعرف بتعليقات الحواش . كلام في أعضاء الحيوان . كتاب مختصر جميع الكتب المنطقية . كتاب المدخل إلى المنطق .

كتاب التوسط بين ارسطوطاليس وجالينوس . كتاب غرض المقولات . كلام له في الشعر والقوافي . شرح كتاب العبارة لارسطوطاليس على جهة التعليق . تعاليف على كتاب القياس . كتاب في القوة المتناهية وغير المتناهية . تعليق له في النجوم . كتاب في الأشياء التي يحتاج الي ان تعلم قبل الفلسفة . فصول له ما جمعه من كلام القدماء . كتاب في اغراض ارسطوطاليس في كل واحد من كتبه . كتاب المقاييس مختصر كتاب الهدى . كتاب في اللغات . كتاب في الاجتماعات المدنية كلام في أن حركة الفلك دائمة . كلام فيما يصلح أن يذم المؤءدب . كلام في المعاليف والجون وغير ذلك . كلام في لوازم الفلسفة . مقالة في وجوب صناعة الكيمياء والرد على سبيلها . مقالة في اغراض ارسطوطاليس في كل مقالة من كتابه الموسوم بالحروف ، وهو تحقيق غرضه في كتاب ما بعد الطبيعة . كتاب في الدعاوى المنسوبة للس ارسطوطاليس في الفلسفة عن بياناتها وحججها . تعاليف في الحكمة . كلام املاه على سائل سأله عن معنى ذات ومعنى جوهر ومعنى طبيعة . كتاب جوامع السياسة مختصر . كتاب بايرينياس لارسطوطاليس . كتاب المدخل الى الهندسة الوهمية ، مختصرا . كتاب عيون السائل على رأي ارسطوطاليس ، (وهي مائة وستون مسألة).  
جوابات لسائل سئل عنها وهي ثلاث وعشرون مسألة . كتاب أصناف الاشياء البسيطة التي تنقسم إليها القضايا في جميع الصنائع القياسية . جوامع كتاب النواميس لفلان . كلام من املائه وقد سئل عما قال ارسطوطاليس في العار . تعليقات انالوطيقا الاولى لارسطوطاليس ، كتاب شرائط اليقين . رسالة في ماهية النفس . كتاب السماع الطبيعي .

Berdasarkan kepada senarai di atas, tidak dapat dinafikan lagi bahawa al-Farabi adalah seorang tokoh yang sangat prolific dalam penulisan dan penerbitan. Hal ini pada hemat penulis turut mengagumkan jenerasi zaman ini di mana, seperti yang kita sedia mak-



lum, di zaman yang serba kekurangan kemudahan itu, beliau telah berjaya menghasilkan karya-karya ilmiah sebanyak itu. Dan ilmu yang digarapnya pula adalah meliputi segenap bidang terutama sekali falsafah. Buku-buku itu dapat meletakkan asas yang kuat ke arah perkembangan ilmu falsafah dan lain-lain bidang seperti yang telah disentuh di atas.

Sarjana 'Abbas Mahmud dalam bukunya *al-Farabi* didapati agak terperinci dalam menentu, menyusun dan membuat klasifikasi terhadap isi-isi perbincangan dalam hasil-hasil penulisan al-Farabi itu. Menurut catatan Sarjana ini, seluruh pengkaryaan ilmiah al-Farabi itu boleh dipecahkan kepada enam kelompokan seumpama di bawah:—

- 1/ Buku-buku bidang Mantik.<sup>44</sup>
- 2/ Ilmu-ilmu kepandaian (al-Ta'alim).<sup>45</sup>
- 3/ Ilmu Alam, Kimia dan Perubatan.<sup>46</sup>
- 4/ Ketuhanan (Teologi)<sup>47</sup>
- 5/ Ilmu Madani (Akhlak dan Siyasa).<sup>48</sup>
- 6/ Buku-buku berbagai bidang.<sup>49</sup>

Di bawah ini secara ringkas, penulis perturunkan sedikit contoh buku-buku di bidang-bidang di atas untuk tatapan para pembaca:

#### 1/ Bidang Mantik

كتاب في اللغات	(1)
كتاب في الالفاظ والحروف	(2)
كتاب في التوطئة في المنطق	(3)
فصول يحتاج إليها في صناعة المنطق	(4)
كتاب القياس الصغير	(5)
كتاب القياس الاوسط	(6)
كتاب المقاييس	(7)
كتاب المختصر الاوسط في المنطق	(8)

#### 2/ Ilmu-ilmu kepandaian (al-Ta'alim)

كتاب المدخل إلى الهندسه الوهمية مختصرا	(1)
كتاب الموسيقى الكبير	(2)
كتاب علم الموسيقى	(3)

- كتاب احصاء الايقاع (4)  
 كتاب في الحيل والنواميس (5)

### 3/ Ilmu Alam, kimia dan Perubatan

- كتاب في الموجودات المتغيرة (1)  
 شرح كتاب السما\* والعالم (2)  
 كلام له في الخلا\* (3)  
 شرح كتاب الاثار العلوية (4)  
 كلام في أعضاء الحيوان (5)

### 4/ Ketuhanan

- كتاب له في الرويا (1)  
 كتاب في العقل ( صغير ) (2)  
 كتاب في العقل ( كبير ) (3)  
 كتاب عيون المسائل (4)  
 كلام في العلم الإلهي (5)

### 5/ Ilmu Madani

- كتاب آراء أهل المدينة الفاضلة (1)  
 كتاب السياسة المدينة (2)  
 كتاب في الاجتماعات المدينة (3)  
 كتاب الفحص المدني (4)

### 6/ Buku-buku Berbagai Bidang

- كلام في معنى اسم الفلسفة (1)  
 تعليق كتاب في الحكمة (2)  
 كتاب إحصاء الملوم (3)  
 كلام في الجن وحال وجودهم (4)  
 كلام في الجوهر (5)

- كتاب الفصوص (6)  
 مختصر كتاب الهوى (7)  
 مختصر كتاب النذر (8)

Seperti yang telah disentuh di awal pembicaraan di atas bahwa pada peringkat dasar al-Farabi menerima didikan agama yang baik seperti Fiqh, Tafsir al-Qur'an dan Hadith. Kemudian bertugas pula sebagai Qādi. Mungkin hal ini telah berjaya membentuk corak berfikir beliau. Justeru itu dalam kebanyakan karyanya, didapati al-Farabi telah membuat percubaan untuk mengharmonikan antara agama yang berasaskan wahyu dan falsafah yang berprinsipkan ratio. Agama dan falsafah, pada umumnya dipandang oleh al-Farabi sebagai sama sahaja. Keduanya bermatlamatkan kepada pencapaian kebenaran, hanya pendekatannya sahaja yang berlainan.

Selain dari membaca, menulis dan membuat analisa terhadap karya-karya falsafah Greek itu, al-Farabi juga turut mengajar ilmu-ilmu falsafah itu kepada beberapa orang pelajar terutamanya di Harran. Ini adalah satu lagi jalan bagi beliau mengembangkan falsafah selain dari menulis. Hasil dari kegiatan ini, ilmu-ilmu pengetahuan yang dikuasainya turut berkembang. Oleh itu selepas beliau meninggal dunia, pemikiran falsafahnya terus maju dan diikuti oleh generasi kebelakangan. Salah seorang murid atau pengikutnya yang terkenal ialah Abu Zakariya Yakhya bin 'Adi, seorang filasof Kristian, terus mengembangkan pemikiran falsafah al-Farabi. Abu Zakariya ini juga terkenal sebagai penterjemah falsafah Aristotle.<sup>50</sup>

Falsafah al-Farabi juga turut berkembang ke Barat melalui penterjemah karyanya ke bahasa-bahasa asing. Dunia Barat sebenarnya sangat mengagumi hasil-hasil pemikiran falsafah dan lain-lain bidang yang ditulis oleh tokoh-tokoh terkemuka Islam di pelbagai zaman. Fikiran-fikiran falsafah telah masuk ke Eropah, adalah merupakan suatu sumbangan Islam yang besar terhadap ilmu pengetahuan Barat. Misalnya karya al-Farabi sendiri *Fi Mabādi Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah* itu telah diterjemahkan ke Bahasa Jerman oleh *Friedrich Dieterici* (Leiden 1895) dengan judul *Der Musterstaat Von al-Farabi* dan juga ke bahasa Perancis oleh R.P. Jansen, Yonssef Karam dan J. Chlala dengan judul *Idees des habitants de la Cite Vertueuse* (Cairo 1949).<sup>51</sup>

Akhirnya dapatlah disimpulkan bahawa al-Farabi adalah seorang tokoh falsafah dari kalangan umat Islam yang terkenal dan penyambung tradisi falsafah yang telah dimulai oleh al-Kindi. Jika al-Kindi mendapat julukan sebagai ahli falsafah Arab yang ulung,

(*Falasuf al-'Arab*) maka al-Farabi pula diagungkan sebagai ahli falsafah Islam (dari bangsa Turki) yang masyhur, malah menurut Ibnu Khallikan, al-Farabi adalah seorang tokoh falsafah yang terbesar dan tidak ada pujangga Islam lain yang dapat mencapai taraf atau tingkat pemikirannya.<sup>52</sup> Ibn Sina sendiri banyak mendapat ilmu darinya.<sup>53</sup> Bahkan kadangkala ternampak pengaruh itu dalam bentuk kata-kata dan susunan yang tidak berubah.<sup>54</sup>

Hasil tulisannya yang beratus buah itu adalah membuktikan akan sejauhmana komitmen dan ketokohan al-Farabi sebenarnya dalam dunia kefalsafahan. Tulisan-tulisannya masih terus unggul hingga ke dewasa ini. Beliau didapati tidak bertindak semata-mata meniru Greek dalam segala aspek pemikiran. Sebaliknya dalam usahanya mengembangkan ilmu-ilmu ini, beliau telah mengoreksi, analisa serta membuat ulasan terhadap isi pemikiran Greek itu, dan dalam kebanyakan isu, beliau sendiri menerangkan fikirannya yang berdasarkan kepada agama Islam, tetapi dipersembahkan menurut pendekatan falsafah.

#### CATATAN

<sup>1</sup> Jamal al-Din Ibn al-Hassan 'Ali bin Yusuf al-Qifti (dikenali sebagai al-Qifti) kitab *Ikhbār al-ʿulamā bi akhbār al-Hukamā*, edit oleh Julius Lippert, Leipzig, 1903, h. 222.

<sup>2</sup> Mawqifu al-Din Ibn al-Abbas Ahmad bin al-Qasim bin Khalifah bin Yunus al-Sa'di al-Khazraj (dikenali sebagai Ibn Abi Usaybi'ah), *Uyūn al-Anbā' fi Tabāqat al-Attibā'*, Syarah dan Tahqiq oleh Dr. Sazar Rida, Beirut: Mansyurat Dār Maktabah al-Hayat, 1965, h. 603.

<sup>3</sup> Ibn al-'Abbas Syamsy al-Din Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr bin Khallikan (dikenali dengan panggilan Ibn Khallikan) *Wafayāt al-A'yān wa Abnā' al-zaman*, Tahqiq oleh Dr. Ihsan 'Abbas, jilid 5, Beirut: Dār al-Thaqafah, 1972, h. 153.

<sup>4</sup> Dr. Ali Abū. al-Wahid Wāfi, "Arā' Ahl al-Madinah al-Faḍīlah li al-Farabi" dalam *Tarath al-Insani*, jilid 2(1), Yuliu 1964., h. 569.

<sup>5</sup> Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A'yān*, h. 157, juga Ibn Abi Usaybi'ah *Uyūn al-Anbā'*, h. 603.

<sup>6</sup> Hanna al-Fākhuri dan rakan, *Tarīkh al-Falsafah al-'Arabiyah*, Beirut, t.t., h. 373.

<sup>7</sup> Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A'yān*, h. 157.

<sup>8</sup> Haroon Khan Sherwani, "al-Farabi Political Theories" dalam *Islamic Culture*, The Hyderabad Quarterly Review, July 1938 No: 3, h. 288 – 289.

<sup>9</sup> Pembahagian ini dibuat oleh ahli atau Sarjana-sarjana Sejarah. Dan pembahagian itu pula adalah berasaskan kepada beberapa faktor misalnya situasi politik, pergolakan dan juga kemajuan yang berlaku di sepanjang tempoh pemerintahan. Umumnya pemerintahan Bani Abbasiyah itu telah dibahagikan kepada tiga peringkat:

- a) Peringkat I (132H – 232H).
- b) Peringkat II (232H – 590H).
- c) Peringkat III (590H – 656H).

Pada peringkat kedua itu, pada keseluruhannya ilmu pengetahuan telah berkembang dengan pesatnya terutama sekali falsafah. Syarahan lanjut sila lihat Prof. Dr. Ahmad Shalaby *al-Tarikh al-Islāmi wa al-Hadārah al-Islāmiyah* jilid I, Qahirah 1966, juga Dr. Hassan Ahmad Mahmud dan rakan, *al-'alam al-Islāmi fi 'aṣri 'Abbāsi*, Misr; Dār al-Fikr al-Arabi Cet: I, t.t. iaitu bahagian pertama dan kedua.

<sup>10</sup> Ibn Khallikan, *wafayāt al-A'yan*, ibid.

<sup>11</sup> Dr. Ibrahim Madkur, "al-Farabi" dalam *A History of Muslim Philosophy*, edited and Introduced by M.M. Sharif, Volume One Germany, Otto Harrassowitz, Wiesbaden 1963, h. 450.

<sup>12</sup> Ibn Abi Usaybi'ah, *'Uyūn al-Anbā'*, h. 604.

<sup>13</sup> Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A'yan*, h. 156. al-Farabi didapati tidak tertarik kepada kemewahan dunia seperti tinggal di rumah-rumah besar, penuh dengan kemewahan dan kebesaran, yang melambangkan darjat serta taraf hidup seperti yang biasa dinikmati oleh golongan atasan dalam masyarakat walaupun beliau memang berpeluang untuk menikmati suasana kehidupan itu (Dr. Jamil Saliba, *Tarikh al-Falsafah al-'Arabiyyah*, Beirut; Dār al-Kutub al-Lubnani, cetakan ketiga, 1973, h. 136). Ibn Khallikan juga memaklumkan bahawa Sayf al-Dawlah al-Hamadan telah menguntukkan sejumlah wang dari *Bat al-Māl* untuk perbelanjaan hariannya tetapi al-Farabi hanya menerima 'empat dirham' sahaja untuk kegunaannya. (Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A'yan* h. 154). Dan berkaitan dengan kecenderungan rohaniyah ini juga sesuai disebutkan di sini bahawa pada zaman itu terdapat dua orang tokoh Sufi Islam yang terkenal hingga ke dewasa ini iaitu Abu Bakr al-Shibli dan Abu Mansur al-Hallaj, dan al-Farabi, menurut catatan Ibn Khallikan, pernah berguru kepada mereka berdua (Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A'yan*, Ibid.).

<sup>14</sup> Prof. Mutazib Waliur Rahman, "al-Farabi and History of Dreams" dalam *Islamic Culture*, Vol. 10, 1936, h. 140. juga Dr. Jamil Saliba, Bab: 'al-Farabi' dalam *Tarikh al-Falsafah al-'Arabiyyah*, Beirut; Dār al-Kutub al-Lubnani cetakan ketiga 1973, h. 136.

<sup>15</sup> Ibrahim Madkour (-Madkur), *La Place d' al-Farabi dans l'Ecole Philosophique Musulmane*, Paris t.p., 1934, h. 15-16.

<sup>16</sup> Ibn Abi Usaybi'ah, *'Uyūn al-Anbā'* h. 603.

<sup>17</sup> Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A'yan*, h. 155.

<sup>18</sup> Nicholas Rescher, *al-Farabi's Short Commentary on Aristotle's Prior Analytics*, University of Pittsburgh Press, 1963, h. 11.

<sup>19</sup> Volume VIII (1951); s.v: al-Farabi.

<sup>20</sup> Edited by James Hastings, Volume V.S.v: al-Farabi by B. Carra De Vaux.

<sup>21</sup> Volume 3, S: v: al-Farabi, by W. Montgomery Watt.

<sup>22</sup> Dr. Oemar Amin Hoesin, Bab: "al-Farabi" dalam *Filsafat Islam*, Jakarta; Bulan Bintang 1975 h. 88-106.

<sup>23</sup> Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A'yan*, h. 154.

<sup>24</sup> Ibn Abi Usaybi'ah, *'Uyūn al-Anbā'*, h. 604.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Dr. Hassan Ibrahim Hassan, *Tarikh al-Islām al-Siyāsi*, juzuk III, h. 369.

<sup>27</sup> Ibn Khallikan, *Wafayāt al-A'yan*, h. 153.

<sup>28</sup> Ibid., h. 154.

- <sup>29</sup> Ibid.
- <sup>30</sup> de Boer, *The History of Philosophy in Islam* (Tr. by Edward R. Jones), New York, Cet: I 1967, h. 108-109.
- <sup>31</sup> *Encyclopædia of Religion and Ethics*, s.v: Farabi, by Bon Carra DeVaux, juga *the Encyclopædia of Islam*, s.v: al-Farabi, by Bon Carra De Vaux.
- <sup>32</sup> Hujjat al-Islam al-Ghazali, *al-Munqidh Min al-Dalāl*, Misr; al-Qahirah, Maktabah al-Injlo al-Misriyah; 1955, h. 100-101.
- <sup>33</sup> Arthur Hyman & James J. Walsh, "al-Farabi" dalam *Philosophy in the Middle Ages*, Indianapolis Hackett Publishing Company, 1973, h.
- <sup>34</sup> *Encyclopædia of Religion and Ethics*, s.v: Farabi by Bon Carra De Vaux.
- <sup>35</sup> Ibid.
- <sup>36</sup> Lihat Nicholas Rescher, *AL-FARABI: An Annotated Bibliography*, England; University of Pittsburgh Press, 1962.
- <sup>37</sup> Berkaitan dengan kegiatan ini Ibn Khallikan menerangkan bahawa al-Farabi menulis buku-bukunya itu adalah dalam masa berulang-alik antara Baghdad dan Damsyik. Beliau pada waktu itu sudah sampai peringkat kematangan berfikir dan sempurna dalam menyusun idea bagi kitab atau buku-bukunya itu. Lihat *Wafayāt al-A'yan*, h. 154-155.
- <sup>38</sup> Aktiviti penulisan di bawah usia empat puluh tahun didapati tidak begitu jelas dan tidak pula dapat dipastikan sama ada ianya dalam bidang Teologi ataupun falsafah. Dr. Ibrahim Madkur "al-Farabi", h. 453.
- <sup>39</sup> De Boer, *The History of Philosophy in Islam*, h. 108.
- <sup>40</sup> Ibid.
- <sup>41</sup> Dr. Abd. al-Halim Mahmud, *al-Tafkīr al-Falsafī fi al-Islām*, Beirut; Dar al-kutub al-Lubnani Cet:I, 1974, h. 340.
- <sup>42</sup> M.M. Sharif, *Muslim Thought, His Origin and Achievement*, Lahore; S.H. Muhamad Ashraf, 1959, h. 80-81.
- <sup>43</sup> Ibn Abi Usaybi'ah, *Uyūn al-Anbā'*, h. 608-9.
- <sup>44</sup> 'Abbas Mahfnud, *al-Farabi*, Qahirah; Dar Ihya' al-kutub al-'Arabiyah 'Isa al-Babi al-Halabi, 1944, h. 39.
- <sup>45</sup> Ibid., h. 47.
- <sup>46</sup> Ibid., h. 52.
- <sup>47</sup> Ibid.
- <sup>48</sup> Ibid., h. 55.
- <sup>49</sup> Ibid., h. 58.
- <sup>50</sup> De Boer, *The History of Philosophy in Islam*, h. 126.
- <sup>51</sup> *The Encyclopædia of Philosophy*, s.v: al-Farabi by W. Montgomery Watt.
- <sup>52</sup> Ibn Khallikan, *Wafayat al-A'yan*, h. 153.
- <sup>53</sup> Ibid.
- <sup>54</sup> M.M. Sharif, *Muslim Thought*, h. 80.